

# PELUANG KERJAJAYA



**Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:**

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**IJAZAH  
PENGURUSAN  
DAN  
PROFESIONAL**



**PEGAWAI SAINS  
GRED C41**

**JABATAN KIMIA MALAYSIA  
(KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI)**

**Kekosongan : 3**

**Simpanan : 20**

## 1. Syarat Lantikan:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) ijazah sarjana muda sains kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

## 2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan:

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Sains, Juruteknologi Makmal Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Juruterapi Pergigian dan Juruteknologi Pergigian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Sains Gred C41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

#### 4. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan):

Kimia

#### 5. Keperluan Tambahan:

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan kelulusan ijazah sarjana muda sains kepujian yang telah diiktiraf oleh Senat Universiti/ Jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini.

#### 6. Maklumat Syarat Lantikan:

**Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :**  
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/pegawai-sains-gred-c41>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat ditetapkan boleh mengemukakan/ mengemas kini permohonan secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Tarikh tutup permohonan bagi jawatan ini adalah pada **11 April 2021 (Ahad), jam 11.59 malam.**

**MOHONLAH SECARA *ONLINE* DI**



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia\_gov



spa.malaysia



SPAJPM